

03 SEP 2001

Mahathir-Umno

PENGERUSI NEGERI URUSKAN BAHAGIAN UMNO

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri akan menguruskan segala urusan berkaitan dengan Umno bahagian yang ketuanya didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terlibat dengan kegiatan melanggar etika parti pada pemilihan bahagian lepas.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dengan itu pelantikan ketua bahagian daripada kalangan pihak yang kalah dalam pemilihan itu sebelum ini adalah terbatal.

"Keputusan yang lama yang mana kita ganti pihak yang kalah untuk menjadi ketua bahagian itu terpaksa dibatalkan kerana adanya rayuan dan kita tidak tahu kedudukannya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Katanya, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri terbabit akan menguruskan bahagian berkenaan sehingga rayuan daripada pihak yang didapati bersalah itu diputuskan.

MT Umno telah memutuskan untuk mendengar rayuan daripada pihak yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin, katanya.

Lembaga Disiplin sebelum ini telah mengambil tindakan terhadap lima Ketua Umno Bahagian yang didapati bersalah melanggar tataetika parti ketika pemilihan peringkat bahagian lepas.

Mereka ialah Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi (Ketua Bahagian Bukit Bintang), Datuk Kamaruddin Mohd Nor (Pasir Puteh), Mustafa Kamal Mohd Nawi (Gopeng), Datuk Zainol Mohd Isa (Baling) dan Datuk Abdullah Omar (Muar).

Umno kemudiannya memutuskan untuk melantik calon yang kalah pada pemilihan bahagian di Gopeng, Baling dan Muar sebagai ketua.

Mengenai kedudukan Azim sebagai anggota MT, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh buat apa pun, kita tidak boleh buat keputusan sama ada dia (Azim) bersalah atau tidak bersalah, dia tetap ahli Majlis Tertinggi."

Katanya, Azim boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh itu dan Bahagian Bukit Bintang akan diuruskan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Sementara itu Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Umno telah menubuhkan sekretariat bebas yang akan mengkaji rayuan yang dikemukakan oleh anggota parti yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin.

Sebelum ini Umno mengumumkan sekretariat bebas itu akan dipengerusikan oleh Datuk Zuki Kamaluddin.

"Sekretariat ini setelah mempertimbangkan rayuan itu akan mengemukakan cadangan tertentu kepada MT sebab MT adalah Lembaga Rayuan," katanya.

Bagaimanapun sehingga kini sekretariat berkenaan belum mengemukakan kes rayuan itu kepada MT kerana masih banyak kes dalam peringkat pertimbangan sekretariat, katanya.

Beliau berkata, sekretariat itu juga telah menerima banyak rayuan daripada anggota parti dan jumlah rayuan dijangka bertambah lagi.

-- BERNAMA

RZS KHY NMO